

TEKS UCAPAN PERASMIAN
KONVENSYEN KIK PERINGKAT
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA 2011
11 OKTOBER 2011

Terima kasih saudara pengacara majlis.

- Y. Bhg. Puan Sri Dato' Zaiton bt. Mhad Ali
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
- Y. Bhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
- Y.Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Noor Bin Yaacob Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
- Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Para juri yang bijaksana

Tuan – tuan dan puan – puan yang dihormati sekalian

Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih atas kerjasama semua pihak maka kita semua dapat berkumpul di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) tahun 2011 pada hari yang ceria ini.

Untuk makluman, Konvensyen KIK pada hari ini merupakan kali ke-6 penganjurannya. Ia telah diadakan saban tahun bermula dari tahun 2006. Namun tahun ini merupakan tahun ke-2 konvensyen ini di anjurkan dengan nama KIK kerana sebelum ini ia lebih dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK). Penjenamaan semula ini telah dibuat pada 1 November 2009 bagi memberi lebih tumpuan terhadap inovasi berbanding aspek penyelesaian masalah di tempat kerja semasa pelaksanaan KMK.

Pertandingan KIK

Format kumpulan yang bertanding pada Konvensyen KIK tahun ini telah diperbaharui dimana setiap kumpulan telah dianggotai oleh pelbagai peringkat jawatan. Keahlian kumpulan juga merentasi pelbagai bahagian/ unit dari bidang tugas yang berbeza. Itulah uniknya KIK berbanding KMK.

Konvensyen pada kali ini akan memperlihatkan kehebatan 5 kumpulan iaitu masing-masing 3 KIK dari JKR dan 2 KIK daripada LLM. Kumpulan-kumpulan ini merupakan KIK terbaik dari kedua-dua agensi yang mana peringkat saringan telah diadakan diperingkat agensi masing-masing sebelum ini.

Jika sebelum ini kadar hadiah kepada johan, naib johan dan tempat ke-3 masing-masing menerima hadiah sebanyak RM 1,000, RM 750 dan RM500 namun pada tahun ini hadiah tersebut telah dinaikkan kepada RM5,000, RM3,000 dan RM2,000. Peruntukan hadiah yang besar ini menunjukkan sokongan dan komitmen Kerajaan dalam memberi galakkan seterusnya mahukan pembudayaan inovasi ini diserapkan ke dalam pemikiran setiap penjawat awam di negara ini.

Komitmen pihak pengurusan Kementerian

Pengurusan KKR akan sentiasa terus memberi sokongan terhadap program-program inovasi terutamanya konvensyen KIK. Kursus-kursus KIK kepada semua warga KKR juga akan diadakan untuk menggalakkan lebih banyak KIK diwujudkan. Ini kerana pihak pengurusan menyedari bahawa impak yang positif dapat dicapai dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan sekiranya KIK dijalankan dengan berkesan.

Dalam mencari kaedah-kaedah baru dalam melaksanakan sesuatu, kita perlu kreatif dan inovatif dalam apa saja yang kita lakukan supaya ia dapat memberi nilai tambah. Nilai tambah inilah yang sebenarnya membezakan kita dengan orang lain, sama ada dari segi kualiti perkhidmatan, pengeluaran dan juga permintaan terhadap produk atau perkhidmatan yang kita sampaikan.

Ke arah merealisasikan matlamat ini, maka usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti perlu dipupuk dan dihayati. Ianya diakui dapat memainkan peranan besar dalam pembangunan negara dan juga penggerak kepada inisiatif-inisiatif baru Kerajaan. Ketua-ketua bahagian dan syarikat konsesi diminta untuk merangka strategi bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif serta menggalakkan persaingan yang sihat bagi menyemarakkan lagi aktiviti kreativiti dan inovasi organisasi masing-masing.

Harapan Kementerian

Harapan saya agar Ketua Bahagian serta pihak urus setia dapat memastikan lebih banyak kumpulan-kumpulan KIK yang baru dapat dibentuk dan menghasilkan projek inovatif dan kreatif yang lebih baik lagi mencabar. Juga menjadi harapan Kementerian

agar lebih banyak penyertaan KIK dari KKR dan agensi-agensi lain di bawah KKR pada konvensyen akan datang.

Kepada kumpulan yang berjaya pada hari ini, hasil projek kreatif dan inovatif tuan/ puan boleh dipertandingkan diperingkat yang lebih tinggi seperti di Konvensyen KIK Kebangsaan, Konvensyen Innovative & Creative Circle (ICC) anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) dan lain-lain pertandingan.

Semoga Konvensyen KIK pada kali ini dapat memberi impak yang positif serta mampu meningkatkan kecemerlangan organisasi kita yang tercinta.

Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Kementerian Kerja Raya Malaysia 2011.

Sekian terima kasih.